

25/06/2003

Graduan jangan hanya mencari pekerjaan

Datuk Salleh Majid

RENCANA yang saya tulis, baru-baru ini, menerima beberapa reaksi. Ada yang melahirkan kehairanan dengan apa yang berlaku di syarikat berkenaan. Sebenarnya bukan sebuah syarikat saja yang melalui pengalaman demikian banyak lagi yang memalukan orang Melayu. Maka tidak hairan kalau impian mewujudkan suatu lapisan ahli korporat Bumiputera berkaliber lenyap begitu saja.

Kalau dengan sokongan pemimpin yang begitu kuat mereka gagal, tanpa sokongan itu apalah akan jadi kepada dunia korporat Bumiputera masa depan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bercakap mengenai perlunya dibuang 'tongkat' dalam masa terdekat supaya yang boleh berjalan

tidak terus bertongkat nescaya kaki yang ada akan lemah.

Tengok saja bilangan syarikat Bumiputera di Bursa Saham Kuala Lumpur, daripada sedikit tinggal beberapa kerat saja. Jangan kira syarikat kerajaan macam Maybank, Telekom, Tenaga Nasional Berhad dan sebagainya. Kira milik sendiri macam MK Land, Ranhill dan Halim Mazmin.

Masa depan sesebuah negara bergantung atas kejayaan ekonominya.

Kejayaan

ekonomi bergantung atas kejayaan industri. Kejayaan industrinya bergantung

atas kejayaan syarikatnya. Kejayaan syarikatnya bergantung atas semangat keusahawanan dan kemahiran pengurusan keseluruhannya.

Kalau ada indeks kemahiran mengurus tentu indeks Bumiputera di belakang

indeks golongan lain. Adakah ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan menjamin kejayaan? Nampaknya tidak. Di mana silapnya?

Mungkin sikap dan amalan yang salah. Apa yang perlu mungkin perubahan persekitaran daripada yang menyokong kepada yang mencabar survival.

Kalau dulu orang mengatakan orang Melayu tidak terbabit dengan perniagaan, sekarang tidak lagi, keadaannya jauh berbeza. Sudah ramai yang

berkecimpung dalam perniagaan, daripada warung di tepi jalan kepada perisian komputer. Sudah ramai yang berjaya walaupun tidak kurang juga yang gagal. Kalau yang gagal itu hak sendiri tidak mengapa. Tetapi kalau diamanahkan dan disokong dengan pelbagai jenis sokongan, juga gagal, ini memberikan pandangan negatif terhadap tahap dan kualiti pengurusan orang Melayu.

Perlu diingat individu yang terbabit tidak semestinya rugi daripada keadaan sedemikian. Ilmu yang diperoleh disalahamalkan untuk kepentingan sendiri. Jadi sambil darah meleleh pada syarikat, individu terbabit masih

mampu berpesta!

Masanya telah sampai untuk kurikulum pengajian di institusi pengajian tinggi awam dan swasta dengan memuatkan etika sebagai mata pelajaran mandatori. Pelajar diajar mengenai proses membuat keputusan yang baik.

Pendidikan selalu menekankan `isi' dan bukan `proses', sedangkan dalam kehidupan harian seseorang, proses lebih penting.

Seribu satu macam keputusan dibuat setiap hari. Dengan kemahiran menimbulkan beberapa soalan yang relevan dengan sendirinya isi yang dicari

akan muncul, tidak kira apa latar belakang yang menyoal.

Minggu ini saya ingin menceritakan dua bidang yang boleh diceburi oleh graduan kita yang masih mencari pekerjaan. Saya berkali-kali menyarankan graduan kita supaya mengubah `mindset' mereka daripada mencari pekerjaan kepada bekerja sendiri.

Bukan semua orang sanggup membersihkan kubur atau longkang, tetapi semua orang dengan diberikan sedikit latihan boleh terbabit dalam jualan langsung.

Dua kategori, satu membabitkan barang dan satu lagi saham amanah.

Memang

banyak syarikat jualan langsung yang menjual pelbagai barang seperti ubat-

ubat, makanan kesihatan dan keperluan harian rumah (seperti Amway dan CNI). Kalau bekerja makan gaji, jarang seseorang diberikan ganjaran berkaitan dengan prestasi kerana prestasi kadang-kadang sukar diukur.

Bagi mereka yang terbabit dengan perniagaan jualan langsung, ganjaran yang diperoleh berkaitan terus dengan prestasi: banyak jumlah jualan banyaklah ganjaran. Pelbagai insentif diberikan kepada ejen atau peniaga ini, termasuk kadar komisen yang lebih tinggi dan kunjungan ke luar negara

menghadiri pelbagai jenis perhimpunan. CNI misalnya sudah beroperasi di negara kita lebih 14 tahun dan di Indonesia lebih 17 tahun. Saya difahamkan 44 ejen menjadi jutawan dan 15 daripadanya orang Melayu. Ada yang memperoleh pendapatan sampai RM100,000 sebulan.

Untuk menyertai syarikat saham amanah pilihan memang banyak. Ada bank, syarikat broker saham, syarikat insurans dan pengurusan aset menawarkan hampir 90 jenis skim saham amanah dengan 15 skim memberikan pertumbuhan lebih 10 peratus setahun. Pertumbuhan tertinggi tahun lalu ialah

sebanyak

33 peratus.

Komisyen yang diberikan kepada ejen berdasarkan tahap pencapaian seseorang daripada 2.9 peratus meningkat naik kepada peringkat yang lebih

tinggi untuk pengurus dan pengurus besar. Seseorang yang ingin menjadi ejen perlu lulus peperiksaan yang dikelolakan oleh Persekutuan

Pengurusan-

Pengurusan Saham Amanah. Dalam kedua-dua kategori ini apa yang penting ialah keupayaan untuk mendapatkan hubungan mereka yang sudah lama menganggur mempunyai satu lagi pilihan, selain mencari pekerjaan. -

satria47@hotmail.com